

14/6/2016

## Ubah persepsi graduan universiti luar lebih bermutu

Majikan di sektor swasta perlu mengubah persepsi kononnya graduan universiti luar negara lebih berkualiti berbanding lepasan universiti tempatan.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sehubungan itu, sepatutnya lebih banyak peluang pekerjaan dan jawatan penting ditawarkan kepada graduan lulusan universiti tempatan.

"Kedudukan beberapa universiti tempatan berdasarkan QS World University Rankings 2015/2016 mencatatkan Universiti Malaya (UM) berada pada kedudukan 146 mengatasi universiti terkemuka dunia seperti

Universiti of Exeter, Newcastle University dan University of Barcelona.

"Selain itu, Universiti Sains Malaysia (USM) berada pada tangga 289 dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berada pada 303 mengatasi University of Milan serta University of Iowa sekali gus membuktikan kehebatan universiti tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 'Soaring Upwards' di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan

Tugas-Tugas Khas negeri Ghazali Taib dan Naib Canselor UniSZA Datuk Profesor Dr Zubaidi Abdul Latif.

Dalam perkembangan berasingan, Idris berkata, kerajaan membuat keputusan mengurangkan penghantaran penuntut ke luar negara.

"Untuk peringkat awal, contohnya ijazah pertama, kita kurangkan penghantaran kerana universiti tempatan juga mampu melahirkan penuntut terbaik dan berkualiti.

"Bagaimanapun, ada keperluan dalam bidang tertentu untuk menghantar penyarah kita melanjutkan pengajian ke luar negara sebagai pendedahan," katanya.